

Permaisuri Agong Canselor UMT

KOSMO 02/08/07 pg.14

KUALA TERENGGANU - Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah akan dimasyhurkan sebagai Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 25 Ogos ini.

Naib Canselor UMT, Prof. Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin berkata, pelantikan itu telah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin pada 16 Jun lepas untuk tempoh lima tahun.

"Majlis pemasyhuran dijangka disempur-

nakan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

"Sebagai Canselor baru UMT, baginda akan mempengerusikan konvokesyen kali kelima universiti itu pada hari yang sama," katanya kepada pemberita pada majlis ramah mesra bersama media di sini malam semalam.

Sulaiman berkata, sebelum ini Canselor UMT adalah Tuanku Mizan, namun setelah dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong, baginda secara

automatik menjadi Canselor Universiti Teknologi Mara mengikut perlembagaan UiTM.

Sementara itu beliau berkata, dalam konvokesyen UMT Ogos ini, pihaknya akan memberi pengiktirafan kepada 75 pelajar penerima kelas pertama.

"Mereka akan menerima selempang khas menandakan bahawa mereka merupakan golongan pelajar cemerlang universiti itu.

"Pada konvokesyen UMT 25 Ogos ini, se-

ramai 32 orang mendapat ijazah kedoktoran (PhD) dan sarjana, Ijazah Kehormat (dua), sarjana muda (1,414 orang) dan diploma (83 orang)," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Sulaiman berkata, pihaknya sangat menghargai sumbangan media dalam membuat liputan mengenai aktiviti yang dianjurkan UMT yang sebelum ini dikenali sebagai Kolej Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem).